



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	12/1/2013

## Sultan Selangor berhak bertitah isu kalimah

BH-12/1/2013

**Shah Alam:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mempunyai kuasa untuk bertitah mengenai penggunaan kalimah Allah di kalangan bukan umat Islam, selaras kuasa baginda dan peruntukan undang-undang.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata titah Sultan berhubung larangan penggunaan kalimah Allah dibuat selaras kuasa baginda dan mengikut peruntukan dalam Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988 yang masih berkuat kuasa sejak ia diwartakan pada 7 Julai 1988.

"Seksyen 9 enakmen itu yang diwujudkan selaras dengan Perlembagaan Per-

sekutuan, secara jelas melarang kalimah Allah daripada digunakan orang bukan Islam dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan agama mereka.

### Boleh dikenakan hukuman

"Tuduhan dan hukuman boleh dikenakan terhadap mereka yang melanggar peruntukan itu," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dalam kenyataan itu, beliau menjawab beberapa isu ditimbulkan melalui kandungan surat daripada Tetuan Azri, Lee Swee Seng & Co bertarikh 10 Januari 2013 kepada MAIS, susulan titah baginda mengenai larangan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam, Selasa lalu.

Mohamad Adzib juga kesal

kandungan surat itu yang mempertikaikan kedudukan Sultan Sharafuddin Idris Shah sebagai Ketua Agama Islam Selangor.

Menjawab satu lagi isu dibangkitkan surat peguam itu, Mohamad Adzib berkata, MAIS sedia maklum dengan kes membabitkan Jill Ireland Lawrence Bill melawan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia pada Mei 2009.

**"Titah Sultan selaras kuasa baginda dan mengikut peruntukan dalam Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988"**

**Mohamad Adzib Mohd Isa,**  
Pengerusi MAIS

Katanya, permohonan substantif kes itu belum didengar dan perintah yang dilampirkan hanya pada peringkat kebenaran permohonan saja.

Beliau berkata, kandungan surat daripada Tetuan Azri, Lee Swee Seng & Co yang menggambarkan perintah substantif sudah dikeluarkan adalah tidak bertepatan dan mengelirukan serta bertujuan mencetuskan prasangka buruk di kalangan masyarakat terhadap kedaulatan dan kedudukan Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam di Selangor.

### Tindakan tak beretika

Katanya, tindakan peguam itu tidak beretika dan menghina mahkamah kerana memberi fakta yang salah mengenai kedudukan sebenar kes berkenaan.

Dalam kenyataan itu, Mohamad Adzib menjawab surat bertarikh 11 April 2011 kepada Pengerusi Persekutuan Kristian Malaysia (CFM), Biskop Ng Moon Hing dan memo dalaman daripada Ke-

tua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri bertarikh 8 April 2011 mengenai kalimah Allah.

"MAIS ingin menegaskan bahawa dokumen itu tidak mengikat MAIS. Kandungan kedua-dua dokumen itu memo berkaitan penggunaan Bible dalam Bahasa Malaysia," katanya.

Berhubung keputusan kes Menteri Dalam Negeri dan seorang lagi melawan Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur, Mohamad Adzib berkata, ia membabitkan isu pada penggunaan kalimah Allah dalam akhbar *Herald The Catholic Weekly*.

Katanya, walaupun sudah ada keputusan, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Peguam Negara untuk menggantung pelaksanaan sehingga rayuan di Mahkamah Rayuan.

"Adalah diharapkan kenyataan media ini dapat menjelaskan kedudukan sebenar berhubung isu kalimah Allah supaya tidak timbul kekeliruan oleh mana-mana pihak," katanya.